

KENYATAAN TAWARAN
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

Tawaran Khas Kepada Kontraktor Bumiputera

RUJUKAN : MPK.Ps. 06 / STATE / 2017 / 002

BERTARIKH : 03 MAC 2017

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN** yang mempunyai **SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
GREED G1 KATEGORI CE PENGGHUSUSAN CE21 PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF LONGKANG UTAMA DI TAMAN SERI PULAI, KANGAR, PERLIS.	TARIKH : 10 MAC 2017 (JUMAAT) MASA : 10.45 PAGI - 11.15 PAGI TEMPAT : DEWAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, ARAU, PERLIS. (DEWAN SIVIK, ARAU) PERHATIAN PENTING :- DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN SAHAJA.

2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN SAHAJA. WAKIL-WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK. SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA LAWATAN TAPAK BERKENAAN.**
3. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 10.00** daripada **BAHAGIAN PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat No. 192, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis mulai daripada **13 MAC 2017 (ISNIN) hingga 15 MAC 2017 (RABU)** sebelum jam 4.30 petang. Semasa mengambil dokumen tawaran, kontraktor hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** dan **SATU (1) SALINAN** bagi setiap sijil tersebut.
4. Permohonan dan pengambilan borang yang lewat daripada tarikh disebutkan di atas tidak akan dilayan.
5. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis tajuk di sebelah kiri sampul surat serta dihantar supaya sampai ke Peti Tawaran di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI** pada **17 MAC 2017 (JUMAAT)**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
6. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**